



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA BILANGAN 4 TAHUN 2023**

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS
PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM DAN
PESARA KERAJAAN TAHUN 2023**

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. PELAKSANAAN.....	2
4. HAL-HAL LAIN.....	5
5. TARIKH KUAT KUASA	5
6. PEMAKAIAN	6

JANM.BKP.600-14/1/11 Jld.5 (11)



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
BILANGAN 4 TAHUN 2023**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS PENGHARGAAN PENJAWAT AWAM
DAN PESARA KERAJAAN TAHUN 2023**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi garis panduan kepada Kementerian/ Jabatan mengenai peraturan bayaran Bantuan Khas Penghargaan (BKP) Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah menetapkan kadar bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 adalah sebanyak RM300.00 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah termasuk pegawai lantikan kontrak *Contract For Service (CFS)*, *Contract Of Service (COS)*, pegawai sambilan harian dan lantikan MySTEP.
- 2.2 Kadar bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 sebanyak RM200.00 dipanjangkan pemberiannya kepada pesara Kerajaan (pesara berpencen, penerima pencen terbitan, pesara KWSP, veteran berpencen dan veteran tidak berpencen).
- 2.3 Surat Pekeliling ini disediakan selaras dengan peraturan berikut:
 - 2.3.1 Surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan MOF.NBO(S)600-8/2/9 Jld.2 (3) bertarikh 31 Julai 2023 – Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023; termasuk perkara berkaitan bayaran BKP kepada *Contract For Service (CFS)* dan pengecualian Cukai Pendapatan ke atas BKP Tahun 2023.

- 2.3.2 Surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.800-3/2/4 (33) bertarikh 1 Ogos 2023 – Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023.

3. PELAKSANAAN

Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) ini hendaklah dibaca bersama SPANM Tatacara Pengurusan Bayaran Emolumen Pegawai Awam Persekutuan yang berkuat kuasa. Pelaksanaan tatacara pembayaran bagi bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 adalah seperti berikut:

3.1 Tarikh Pembayaran

Bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini akan dibayar pada **10 Ogos 2023 (Khamis)**.

3.2 Peruntukan Untuk Membayar Bayaran Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023

Kementerian/Jabatan hendaklah membayar BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 menggunakan peruntukan tahun 2023. Sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan hendaklah dibuat kepada Kementerian Kewangan Malaysia.

3.3 Semakan Ke Atas Pegawai Yang Layak Menerima Bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023

Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab menyemak teliti dan memastikan dokumen sokongan adalah lengkap serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam surat Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.800-3/2/4 (33) bertarikh 1 Ogos 2023 – Bantuan Khas Penghargaan Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023.

3.4 Kaedah Bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023

Terdapat dua (2) kaedah bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 iaitu melalui:

3.4.1 Bayaran melalui Sistem Emolumen Berkomputer

(1) Tanggungjawab Pejabat Perakaunan (AO)

- i. Mengeluarkan **Laporan Penerima Bayaran BKP Penjawat Awam** kepada PTJ;

- ii. Mengemaskini data Penerima Bayaran BKP Penjawat Awam di dalam sistem setelah PTJ mengesahkan **Laporan Penerima Bayaran BKP Penjawat Awam**; dan
- iii. Memproses bayaran BKP Penjawat Awam Tahun 2023.

(2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- i. Menyemak **Laporan Penerima Bayaran BKP Penjawat Awam**. Pegawai yang tidak layak hendaklah dikeluarkan daripada laporan tersebut;
- ii. Mengemukakan **Laporan Penerima Bayaran BKP Penjawat Awam** yang telah disahkan kepada Pejabat Perakaunan; dan
- iii. Mengutip **semua amaun** yang telah dibayar kepada pegawai yang **tidak layak** menerima BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 dengan kaedah berikut:
 - a. Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas adalah tidak layak dibayar BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023. Tindakan pemotongan secara sekaligus hendaklah diambil bagi bayaran emolumen bulan berikutnya bagi pegawai yang masih berkhidmat;
 - b. Kutipan tunai atau kutipan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) hendaklah dibuat daripada pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib, ditamatkan perkhidmatan, dan meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 10 Ogos 2023;
 - c. Kutipan tunai atau kutipan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) hendaklah dibuat daripada pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan (BBDS); dan
 - d. Kutipan secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) hendaklah mematuhi prosedur yang telah diedarkan melalui Surat Edaran Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) Bilangan 12 Tahun 2022 – Garis Panduan Pengurusan Terimaan Secara *Electronic Fund Transfer* (EFT) Ke Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan. Pegawai yang membuat bayaran bertanggungjawab memastikan perihal rujukan bayaran dinyatakan dengan jelas selaras dengan surat edaran berkenaan.

3.4.2 Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E)

(1) Tanggungjawab Pejabat Perakaunan

Pejabat Perakaunan hendaklah memantau dan mendapatkan pengesahan PTJ untuk memastikan PTJ menyempurnakan Bayaran Melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) bagi pegawai yang tiada dalam Sistem Emolumen Berkomputer.

(2) Tanggungjawab Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- i. Menyediakan Arahan Pembayaran (Kew.330E), jenis dokumen - Invois Tanpa Pesanan Kerajaan (K2) beserta Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (Kew. 8) dan dokumen sokongan yang lain.
- ii. Memastikan penjawat awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E) menerima bayaran pada **10 Ogos 2023**.
- iii. PTJ hendaklah memastikan tiada kecaciran dalam pembayaran kepada penjawat awam yang dibayar melalui Arahan Pembayaran (Kew.330E).

3.5 Bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 akan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

3.6 Potongan ke atas Cukai Pendapatan, Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) tidak dilaksanakan tertakluk seperti berikut:

3.6.1 Cukai Pendapatan

Bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 tidak dikira sebagai pendapatan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan.

3.6.2 Caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini adalah tidak termasuk di bawah definisi "Upah" sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 2, Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452). Sehubungan dengan itu ianya tidak perlu dicarumkan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

3.6.3 Caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO)

Bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 ini tidak perlu dicarumkan ke Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO).

3.7 Kod Urus Niaga

Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan Tahun 2023 adalah seperti berikut:

Kod Elaun (Payroll)	Kod Akaun	Perihal Kod
1072	B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
1072	B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
1072	B0229306	Pemberian Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

4. HAL-HAL LAIN

Pertanyaan lanjut mengenai Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM), boleh dirujuk kepada pihak berikut:

Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
 Jabatan Akauntan Negara Malaysia
 Aras 4, Kompleks Kementerian Kewangan
 No.1, Persiaran Perdana
 62594, Presint 2
 Putrajaya
 u.p : Unit Pengurusan Prestasi
 Email : unit_prestasi@anm.gov.my
 No. Tel : 03-8882 1624/1612/1622/1611

5. TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini berkuat kuasa mulai pada tarikh ianya dikeluarkan.

6. PEMAKAIAN

Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Pejabat Perakaunan hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam surat pekeliling ini dipatuhi bagi memastikan bayaran BKP Penjawat Awam dan Pesara Kerajaan 2023 dapat dilaksanakan dengan sempurna mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Peruntukan surat pekeliling ini juga dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A.(M))
Akauntan Negara Malaysia

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
PUTRAJAYA

Ogos 2023

s.k:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua YB Pegawai Kewangan Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Akauntan Kementerian
Semua Pengarah Negeri/Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Semua Akauntan Negeri/Bendahari Negeri
Pengarah Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera (UGAT)